

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH : 4 – 10 JULAI 2019

KERATAN AKHBAR

Pencemaran Sungai Semenyih

Operasi kilang minyak sawit dihenti dua minggu

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kilang proses minyak sawit yang didakwa sebagai punca pencemaran bau di Sungai Semenyih diarah menghentikan operasi selama dua minggu.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, sampel air untuk ujian kimia daripada kilang itu sudah diambil dan keputusan dijangka diketahui dalam tempoh seminggu.

"Siasatan awal mendapati terdapat kebocoran pada sistem saliran, bukan disebabkan kurang penguatkuasaan. Kilang ini sudah 30 tahun beroperasi dan sebelum ini tiada sebarang masalah dikesan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengedarkan notis dan poster kempen bebas penggunaan penyedut minuman plastik kepada pengusaha premis makanan di Plaza Shah Alam.

Katanya, beliau sudah memintakan pemantauan dan penguatkuasaan dari Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya perkara sama tidak berulang.

Malah, beliau berkata, agensi Kerajaan Negeri turut meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan syarat lesen operasi kilang.

"Kilang hanya dibenarkan beroperasi di kawasan industri, mereka yang masih beroperasi atas tanah pertanian diberikan notis untuk berpindah atau tukar syarat tanah.

"Operasi kilang juga tidak boleh berhampiran sungai. Tiada kompromi dan tindakan tegas akan diambil kepada pengusaha kilang yang gagal mematuhi larangan itu," katanya.

Loy Sian berkata, pemilik akan berdepan denda maksimum sehingga RM100,000 atau penjara lima tahun di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 2009 jika disabitkan kesalahan.

Dalam kejadian pada 26 Jun lalu, pencemaran bau dikesan berlaku di Sungai Semenyih yang mengakibatkan bekalan air bersih di sekitar Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas selepas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih diarah henti tugas.

Lembaga Urus Air Selangor mengesahkan pencemaran bau itu dikesan berpunca daripada sebuah kilang berhampiran dan tindakan pengambilan sampel dilakukan untuk ujian kimia.

LUAS wujud landskap kehidupan, inovasi unik

KUALA SELANGOR - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mewujudkan Landskap Kehidupan LUAS Rotary Peace Park Malaysia di Kolam 1 Off River Storage (ORS), Bestari Jaya, di sini.

Ahli Dewan Negeri Permatang, Rozana Zainal Abidin berkata, ORS Bestari Jaya antara lokasi terpilih bagi melaksanakan landskap kehidupan kerana konsep 'off river storage' yang dilihat mampu untuk dibuat di tempat lain.

Katanya, inovasi pembangunan andskap kehidupan dalam sumber air alternatif di ORS Bestari Jaya berjaya mengurangkan kos pembangunan landskap dengan menggunakan konsep gotong-oyong membabitkan komuniti setempat dan pelbagai agensi serta pertubuhan bukan kerajaan seperti Kelab Rotary.

"Dengan adanya inovasi sebegini, ia berjaya membuktikan bahawa pengurusan sumber air secara holistik, mampan dan memberi pelbagai faedah kepada komuniti setempat dan alam sekitar serta berpotensi dikembangkan ke seluruh negara.

"Tahniah saya ucapkan kepada LUAS dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) kerana berjaya menghasilkan ciptaan inovasi yang unik ini.

"Hal ini sejajar dengan matlamat LUAS dan MDKS sebagai agensi rujukan dalam pengurusan sumber air serta pemandaran lestari di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Landskap Kehidupan LUAS Rotary Peace Park Malaysia di Kolam 1 ORS Bestari Jaya, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Pemangku Pengerah LUAS, Haslina Amer berkata, inovasi itu juga berpotensi menjadi peneraju era baharu pengurusan dalam menyelaras kawasan sumber air dengan membenarkan aktiviti rekreasi yang terkawal.

"Ini mampu memberikan manfaat sosial kepada masyarakat dan pada masa sama sumber air dapat digunakan apabila diperlukan.

"Malah, selain mengangkat konsep ORS untuk bekalan air, ia juga dipelbagaikan fungsinya dengan pembangunan sebagai tempat sukan air, pendidikan, latihan dan rekreasi sumber air negeri," katanya.

Beliau berkata demikian



Hee Loy Sian memberikan penerangan kempen bebas penggunaan straw plastik di Plaza Shah Alam

Kempen bebas straw plastik dididik rakyat hargaai alam

SHAH ALAM - Kempen Penguatkuasaan Bebas Penggunaan Penyedut Minuman Plastik bermula secara rasmi 1 Julai lalu membabitkan semua premis makanan, minuman dan restoran di seluruh Selangor.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, langkah Kerajaan Negeri itu untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna bagi memelihara alam sekitar.

"Menerusi kempen ini, penyedut minuman plastik sekali guna tidak akan diberikan kepada pengguna secara automatik bagi setiap minuman dipesan.

"Penyedut minuman ini juga dilarang untuk disediakan di kaunter untuk diambil secara bebas oleh pelanggan dan ia hanya akan diberikan (secara percuma) atas permintaan pelanggan untuk setiap minuman yang dipesan," katanya.

Beliau berkata demikian

selepas mengedarkan notis dan poster kempen bebas penggunaan penyedut minuman plastik kepada pengusaha premis makanan di Plaza Shah Alam.

Menurutnya, Kerajaan Negeri akan meletakkan klausa larangan penyedut minuman plastik dalam syarat permohonan lesen perniagaan premis makanan yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Katanya, Selangor mahu bebas penggunaan plastik sekali guna pada 2025 dan sepanjang tempoh ini tiada tindakan penguatkuasaan berbentuk denda dikenakan.

"Kerajaan Negeri memberi masa yang cukup kepada pengusaha dan orang awam untuk membiasakan diri. Tidak ada penguatkuasaan atau denda untuk masa terdekat sebaliknya mendidik tidak lagi menggunakan bahan berunsur plastik.

"Jika 10 peratus daripada 3.2 juta rakyat Malaysia mengguna-

kan penyedut minuman plastik setiap hari berapa jumlah sampah plastik yang akan terkumpul? Perkara itu yang cuba Kerajaan Negeri sampaikan, bukan berniat menyusahkan rakyat.

"Sebelum ini, kita sudah mulakan (kempen bebas penyedut minuman plastik) di semua bangunan dan jabatan Selangor. Saya harap rakyat dapat berikan kerjasama," katanya.

Loy Sian berkata, sebagai ganti kepada penyedut minuman plastik, pengguna dinasihatkan menggunakan bahan yang diperbuat daripada kertas, buluh atau besi tahan karat.

Sebelum ini, perniagaan di Selangor tidak dibenarkan untuk menyediakan beg plastik secara percuma dan diarahkan menghentikan penggunaan bekas makanan serta peralatan polistera di semua premis termasuk premis makanan serta pasar bermula 1 Januari 2017.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800